



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2008

**PINDAAN KADAR PENDAPATAN ISI RUMAH BAGI TUJUAN
PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN
KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan meminda kadar pendapatan isi rumah bagi tujuan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah meluluskan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000.00 sebulan dan menghantar anak atau anak-anak mereka ke TASKA di tempat kerja sektor awam. Pelaksanaannya adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007.

PELAKSANAAN

3. Kadar pendapatan isi rumah bagi tujuan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam tidak melebihi RM2,000.00 sebulan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 dipinda kepada tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.

PINDAAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar pendapatan isi rumah di perenggan 2, 4 dan di Borang 1 (TASKA) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 adalah **dipinda**.


TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

12 September 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan